

3 kes samun dalam 90 minit

Dipercayai didalangi kumpulan sama, kerugian RM78,000

Sinar 4/11/13 MS 52.

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Tiga kes rompakan dilaporkan berlaku dalam tempoh 90 minit di sini malam kelmarin, selang setengah jam setiap kejadian membabitkan kerugian keseluruhan kira-kira RM78,000.

Rompakan tersebut dipercayai didalangi kumpulan penjenayah sama dengan menggunakan modus operandi (MO) menyerbu masuk rumah mangsa melalui pintu depan ketika penghuninya sedang berehat.

Dalam ketiga-tiga kejadian itu, mangsa diacukan parang oleh penjenayah sebelum kumpulan terbabit menggeledah rumah dan melarikan barang kemas, wang tunai serta barang berharga.

Bagaimanapun, kesemua mangsa tidak mengalami kecederaan serius walaupun ada di antara mereka diikat, diarahkan masuk bilik dan tandas oleh penjenayah terbabit.

Semua mangsa melibatkan tiga wanita warga emas, dua remaja dan seorang pembantu rumah warga asing.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuantan, Superintendent Abdul Aziz Ahmad ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian.

Menurutnya, siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti suspek terlibat bagaimanapun hasil siasatan awal pihaknya mendapati kemungkinan ketiga-tiga kejadian didalangi kumpulan sama.

"Polis sudah mengambil keterangan daripada mangsa untuk membantu siasatan dan disiasat mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan," katanya.

Dalam kejadian di Taman Melor di sini, seorang wanita warga emas berusia 66 tahun berputih mata apabila gelang tangan emas kesayangannya dilarikan sembilan penjenayah bertopeng yang menyerbu masuk ke rumahnya kira-kira jam 7.40 petang kelmarin.

Suspek yang bersenjatakan parang bertindak mengacukan parang ke arah mangsa sebelum membawanya bersama pembantu rumah masuk ke dalam tandas dan merampas gelang berharga kira-kira RM3,000.

Selang setengah jam selepas kejadian, sebuah rumah di Lorong Pelindung 33 di sini di ceroboh masuk empat penjenayah bertopeng ketika penghuninya sedang berehat.

Penjenayah dipercayai menggunakan MO sama apabila menyerbu masuk ke dalam rumah sebelum mengancam mangsa menggunakan parang.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.30 malam itu, mangsa yang juga seorang wanita warga emas tidak dcederakan bagaimanapun dia kerugian kira-kira RM155,000 selepas sejumlah barang kemas dan wang tunai dilarikan penjenayah terbabit.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan kira-kira jam 9.30 malam di Bandar Indera Mahkota di sini, seorang wanita kerugian RM20,000 selepas rumahnya dimasuki empat penyamun bertopeng dan bersenjatakan parang.

Dalam kejadian itu, penjenayah melarikan sejumlah barang kemas, wang tunai dan sebuah jam tangan milik mangsa.



Peti besi yang digunakan untuk menyimpan barang berharga kosong selepas dikebas perompak dalam kejadian di Lorong IM2/90 Indera Mahkota, kelmarin.